



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/07/16\_38 (HQ)

### TNB SIMPATI DENGAN KELUARGA MANGSA REMPUHAN JIP

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengucapkan takziah kepada keluarga pekerja kontraktor yang terkorban dirempuh sebuah jip ketika membuat kerja-kerja penyelenggaraan kabel, di kilometer 83 Jalan Kota Tinggi-Kluang, Johor kira-kira jam 3 petang semalam (15 Julai).

TNB amat bersimpati atas kejadian yang menimpa Allahyarham Muhammad Hirzan Aiman Mazni, 23, serta rakan sekerjanya, Amirul Haiqal Shor yang mengalami cedera ringan dan dirawat di Hospital Kluang.

Kedua-dua mangsa adalah pekerja Syarikat JM Letrik Sdn. Bhd. yang sedang membuat kerja-kerja korekan di kawasan jalan berkenaan bagi tujuan untuk rentangan kabel.

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dipetik sebagai melaporkan bahawa sebuah jip terbiasa lantas merempuh sebuah kereta dan mesin pengorek (backhoe) di tepi jalan sebelum melanggar kedua-dua mangsa. Kes tersebut kini dalam siasatan pihak polis.

TNB bekerjasama dengan pihak PDRM bagi membantu siasatan dan TNB sendiri menubuhkan pasukan siasatan dalaman susulan kejadian itu selaras dasar operasi syarikat yang memberi keutamaan kepada keselamatan.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 16 Julai 2023, jam 7:45 malam**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /  
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*